

Persepsi Masyarakat Orang Asli Terhadap Islam Di Kampung Genting Peras, Hulu Langat, Selangor

Che Nur Hasanah Che Hussian
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Mariam Abd. Majid
mariam@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah
yusufmarlon@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Usaha mendekati golongan orang Asli dilaksanakan oleh pelbagai institusi dalam usaha menyampaikan seruan Islam. Adalah dilihat kajian perlu dilakukan bagi melihat apakah persepsi mereka terhadap Islam setelah usaha penyampaian dakwah tersebut dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, artikel ini mengemukakan hasil kajian berkaitan persepsi masyarakat Orang Asli terhadap Islam di Kampung Genting Peras, Hulu Langat, Selangor. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Metodologi kaedah pengumpulan data ialah melalui melalui temubual separa struktur yang melibatkan seramai empat orang informen yang terlibat secara langsung dalam kalangan Orang Asli di Kampung Genting Peras. Pemilihan sampel dibuat melalui kaedah persampelan bertujuan. Data kajian dianalisis secara deskriptif setelah melengkapkan transkripsi, proses membentuk tema dan pengkodan data disusun secara terperinci. Hasil kajian menunjukkan masyarakat Orang Asli mempunyai persepsi positif dan negatif terhadap Islam. Persepsi positif mereka ialah Islam agama yang baik, agama untuk semua, agama yang menekankan keikhlasan serta kejujuran dan suka cara penjagaan aurat dalam Islam. Manakala persepsi negatif terhadap Islam ialah masuk Islam sama dengan masuk Melayu, penganut Islam tidak mengamalkan Islam, masuk Islam untuk dapat duit dan Islam banyak larangan. Dapatan ini diharapkan dapat dimanfaatkan sebagai panduan kepada pelbagai pihak dan agensi yang berkaitan dalam usaha penambahbaikan usaha dakwah terhadap masyarakat orang asli di Negeri Selangor khususnya.

Kata Kunci: Persepsi, Masyarakat Orang Asli, Kampung Genting Peras, Negeri Selangor

Perception Aboriginal Community of Kampung Genting Peras, Hulu Langat Selangor Towards Islam

ABSTRACT

In the endeavor to convey the message of Islam, efforts to approach Orang Asli have been implemented by various institutions. It seems that a specific research should be initiated to analyze their perspectives towards Islam after some dakwah works have been done. It seems that a specific research should be initiated to analyze their perspectives towards Islam after some dakwah works have been done. In this regard, the article presents the findings on perception of the Orang Asli community towards Islam in Kampung Genting Peras, Hulu Langat, Selangor. This qualitative study uses the case study design. Data collection methodology is through semi-structured interviews involving four informants who are directly involved in Orang Asli in Kampung Genting Peras. Sample selection is done through a purposive sampling method. Data were analyzed descriptively upon completing transcription and the forming theme process and data coding was arranged in detail. The findings show that the orang Asli community has a positive and negative perspective on Islam. Their positive perceptions are, Islam is a good religion, religion for all, emphasizing sincerity, honesty and they love the ethics of how to cover their “aurat” in Islam. Otherwise the negative view upon the converting Islam is that you are converted to become a Malay, the followers of Islam (muslim) mostly are not practicing Islam in general instead of taking money illegally from the new converts and Islam as a religion basically has many restrictions. The finding is expected to be useful as a guide to various related parties and agencies in efforts to improve the missionary work towards Orang Asli communities in the State of Selangor in particular..

Keywords: Perception, Aboriginal Community, Kampung Genting Peras, Selangor

Received: 10 June 2018

Accepted: 28 June 2018

Online Published: 30 June 2018

PENGENALAN

Menyampaikan seruan Islam adalah satu kewajiban yang diperintahkan oleh Allah S.W.T kepada seluruh umat Islam tidak kira tua atau muda, lelaki atau perempuan, kecil atau besar, pemimpin atau rakyat secara khusus. Berdakwah yang dimaksudkan tidak terhad kepada proses menyampaikan mesej atau idea-idea Islam secara lisan semata-mata tetapi turut memberi tumpuan kepada program-program dakwah, akhlak, pembangunan imej dan sebagainya. Perlaksanaan dakwah bertujuan mendekatkan diri kepada Allah S.W.T melalui keimanan dan pengibadatan yang dimanifestasikan dengan usaha menyeru, mengajak, mengundang, mempelawa manusia seterusnya membimbing mereka ke arah mengamalkan ajaran Islam. Usaha dakwah Orang Asli merupakan golongan yang sangat istimewa dimana mereka merupakan masyarakat yang sangat memerlukan bimbingan terutama kita sebagai orang Islam agar mereka diberi pendedahan mengenai Islam. Sehingga ke hari ini, aktiviti dakwah masih diteruskan kepada masyarakat orang Asli iaitu program dakwah dijalankan di kawasan pedalaman kampung supaya pengetahuan mereka mengenai agama Islam tersebar tanpa mampu

memberikan alasan bahawa tempat tinggal mereka di kawasan pedalaman menjadi punca dakwah Islamiyyah tidak sampai kepada mereka. Oleh kerana pendakwah berusaha ke arah mengubah hidup sasarannya bermula dari anutan dan kepercayaan, cara hidup, adat resam, budaya dan lain-lain, maka sudah tentu kerja begini akan menghadapi tentangan dan halangan serta pertembungan dalam berbagai bentuk dan keadaan (Syed Abdurrahman Syed Husin, 2010). Antara pertubuhan yang giat aktif meneruskan misi dakwah terhadap masyarakat Orang Asli ialah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) yang banyak mengadakan lawatan klinik bergerak dengan Jabatan Kesihatan dan dalam masa yang sama mereka mempertingkatkan usaha dakwah dengan menggunakan pendekatan *bil hal* (Abdullah Muhammad Zin, 1998).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pelbagai usaha telah dilakukan untuk menyampaikan Islam kepada masyarakat Orang Asli bermula pada tahun 1984. Usaha untuk mengubah anutan, kepercayaan, cara hidup, adat resam serta budaya sudah pasti berhadapan berbagai tentangan, halangan dan pertembungan dalam berbagai bentuk dan keadaan ekoran perbezaan kepercayaan dan cara hidup (Syed Abdurahman bin Syed Hussin, 2010). Di Negeri Selangor, pola agama Orang Asli dibahagikan kepada Anismisme iaitu sebanyak 70%, Islam 15% dan lain-lain agama iaitu Kristian, Hindu, Buddha adalah sebanyak 15% (Abdul Ghafar Don et al., 2014).

Berdasarkan pola ini, didapati sebahagian besar masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor masih berpegang dengan kepercayaan anismisme dalam kehidupan mereka. Data ini menunjukkan bahawa walaupun usaha dakwah telah dilaksanakan oleh pelbagai institusi mahu pun individu tertentu, namun ianya masih belum dapat membuka pintu hati sebahagian masyarakat orang Asli untuk menerima agama Islam. Fenomena ini menimbulkan persoalan mengenai apakah persepsi mereka sebenarnya terhadap Islam. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan meninjau persepsi sebahagian masyarakat Orang Asli yang masih kekal dengan kepercayaan tradisi mereka terhadap Islam.

Pelbagai kajian lepas telah dilakukan mengenai masyarakat Orang Asli. Kajian Abdul Ghafar Don, Badlihisam Mohd. Nasir, Anuar Puteh, Razaleigh Muhamat dan Faisal Asha'ari (2014) bertajuk *Penghayatan Islam Dakwah Orang Asli* dilakukan bertujuan mengenal pasti kefahaman dan penghayatan Islam golongan mualaf Orang Asli. Kajian mendapati golongan mualaf Orang Asli bermasalah dalam aspek penghayatan ibadah khusus iaitu solat dan puasa. Aisyah Jami'an (2013) dalam kajian beliau mengenai Kualiti Hidup Mualaf Orang Asli di Gombak turut menemukan bahawa penghayatan agama golongan mualaf Orang Asli berada di tahap sederhana. Tahap kefahaman yang rendah ini berlaku disebabkan mereka masih terikat dengan kepercayaan lama. Sehubungan dengan itu, mereka tidak dapat meningkatkan kualiti hidup dan mengimplementasikan ajaran agama Islam yang sebenar dalam kehidupan.

Abd Aziz Mahayudin (2014) dalam kajian bertajuk *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Dalam kalangan Murid Orang Asli* mencadangkan agar tumpuan perlu diberikan terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam selain mata pelajaran akademik murid Orang Asli. Mereka lemah dalam menyebut dan mengenal serta menguasai pembacaan Al Quran. Oleh itu, menjadi

tanggungjawab guru untuk memastikan penggunaan kaedah yang betul dan teknik pedagogi yang berupaya menarik tumpuan murid Orang Asli untuk meminati seterusnya memahami mata pelajaran dalam Pendidikan Islam di sekolah (Abd Aziz Mahyudin, 2014).

Asyraf Ridwan Ali (2013) dalam kajian bertajuk *Pelestarian Pengajaran Jawi Dalam Mendidik Murid-murid di Sekolah Rendah Orang Asli* mendapati bahawa ramai di antara mereka kurang mengamalkan cara hidup Islam sebenar kerana masih mengamalkan kepercayaan tradisi, pantang larang dan adat resam lama. Penerimaan mereka terhadap agama Islam masih kurang mantap dan Islam hanya secara 'luaran' sahaja. Kajian menemukan bahawa tulisan Jawi mempunyai pengaruhnya yang tersendiri dalam menarik minat pelajar Orang Asli untuk memperkukuhkan lagi pengamalan agama Islam kerana Jawi merupakan mata pelajaran yang mudah dipelajari lebih-lebih lagi kepada pelajar sekolah rendah (Asyraf Ridwan Ali, 2013).

Kajian Halim Mokhtar (2002) bertajuk *Dakwah Islamiah Kepada Orang Asli di Pulau Carey Banting Selangor: Isu, Cabaran dan Permasalahan* mendapati majoriti Orang Asli di Pulau Carey masih belum memeluk agama Islam dan hanya 8% sahaja telah memeluk Islam. Keadaan ini kerana mereka belum yakin untuk menerima Islam dan masih mempunyai pegangan yang kuat dan tinggi terhadap pengamalan agama nenek moyang, amalan tradisi dan adat resam yang menjadi kebiasaan dalam rutin kehidupan seharian mereka. Terdapat dalam kalangan Orang Asli menyatakan bahawa mereka tidak suka apabila perbuatan mereka dikawal dan disekat kerana menyukai kebebasan dalam kehidupan mereka. Mereka lebih selesa meneruskan gaya hidup mereka yang tersendiri (Halim Mokhtar, 2002).

Terdapat juga kajian yang dilakukan oleh Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, Razaleigh Muhamat @ Kawangit dan Mohd Hasimi Mahmud (2014) bertajuk *Penghayatan Islam Saudara Baru Orang Asli Kampung Sungai Berua Terengganu*. mendapati bahawa penghayatan saudara baru Orang Asli terhadap Islam semakin dapat dihayati dan dirasai setelah memeluk Islam. Majoriti merasa lebih tenang dan tenteram setelah memeluk Islam. Kajian ini menyimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang ketara dalam penghayatan masyarakat orang Asli terhadap agama Islam iaitu meningkat dengan baik.

Kajian Badlihisam Mohd Nasir yang bertajuk *Dakwah Masyarakat Berjiran Kepada Muallaf Orang Asli: Kajian di Felda Gugusan Chini, Pahang* mengemukakan berkaitan usaha dakwah yang dilakukan oleh masyarakat Felda Gugusan Chini terhadap masyarakat Orang Asli di situ. Usaha dakwah penduduk setempat dilaksanakan dengan menerangkan kebaikan agama Islam kepada masyarakat Orang Asli serta mengajak secara lisan dan memberikan contoh ikutan yang baik. Aplikasi pendekatan dakwah menerusi konsep kejiwaan ini telah berupaya memberikan impak positif dalam penyampaian mesej dakwah.

Demikianlah, terdapat banyak kajian telah dilakukan berkaitan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli di pelbagai tempat. Kajian terhadap masyarakat Orang Asli di Kampung Genting Peras ini pula difokuskan terhadap persepsi mereka terhadap Islam. Majoriti masyarakat Orang Asli di Kampung Genting Peras, Hulu Langat, Selangor masih belum menerima Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes. Data kajian dikumpulkan melalui kaedah temubual mendalam dalam bentuk temubual separa struktur sebagai instrumen kajian. Dalam proses ini, pengkaji menemubual empat orang informan kajian. Peserta kajian adalah JKK Masyarakat Orang Asli dan tiga penduduk Orang Asli Kampung Genting Peras, Hulu Langat Selangor. Dalam kajian ini, informan-informan kajian ditandakan dengan R1, R2, R3 dan R4. Pemilihan sampel dalam kajian ini dipilih secara bertujuan iaitu *purposive sampling*. Antara ciri pemilihan sampel kajian ialah Orang Asli yang belum Islam dan menetap di Kampung Genting Peras, Hulu Langat Selangor. Dalam kajian ini, kajian rintis telah dilakukan bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan terhadap soalan temu bual yang dibina bagi setiap soalan yang menjawab objektif kajian. Hasil kiraan Cohen Kappa menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang dicapai ialah sebanyak 1.0 iaitu tahap indikator di tahap yang tinggi. Proses penganalisan data dilakukan dengan menyusun dapatan kajian sesuai dengan tema dan bahagian yang telah dibina bagi tujuan kajian.

MASYARAKAT ORANG ASLI KAMPUNG GENTING PERAS

Terdapat sebanyak 13 buah rumah, 15 buah keluarga dengan seramai 85 orang masyarakat Orang Asli di Kampung Genting Peras ini pada awal penubuhannya. Masyarakat Orang Asli di Kampung Genting Peras ini mempunyai kesinambungan masyarakat Orang Asli Kampung Paya Lebar yang terletak tujuh kilometer daripada Kampung Genting Peras. Masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Lebar dengan masyarakat Orang Asli di Kampung Genting Peras ini mempunyai hubungan ikatan persaudaraan dan interaksi sosial yang akrab walaupun secara fizikalnya kedua-dua kampung ini terpisah. Kini, populasi penduduk masyarakat Orang Asli di Kampung Genting Peras ini telah bertambah dengan peningkatan daripada 15 buah keluarga kepada 49 buah keluarga menjadikan berjumlah keseluruhan masyarakat Orang Asli pada masa ini adalah seramai 185 orang yang mendiami 38 buah rumah.

Daripada keseluruhan penduduk masyarakat Orang Asli di Kampung Genting Peras ini, hanya seramai sembilan orang sahaja daripada mereka yang beragama Islam dan majoriti menganut kepercayaan animisme dan tidak mempunyai agama. Terdapat juga dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Genting Peras ini yang menganut agama Kristian namun mereka tidak mengisytihar secara rasmi kepada penduduk kampung yang lain.

HASIL DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian menunjukkan persepsi Orang Asli Kampung Genting Peras, Hulu Langat, Selangor terhadap Islam. Persepsi mereka terbahagi kepada dua iaitu persepsi positif dan negatif. Berikut adalah persepsi positif masyarakat orang Asli yang dinyatakan terhadap Islam :

Islam Agama yang Baik Mengajar Kebaikan

Islam diakui sebagai suatu agama yang baik dan mengajarkan kebaikan kepada semua umat manusia. Ini dinyatakan semasa temubual bersama R1 yang menyatakan:

“Saya tahu la peraturan Islam.. saya rasa Islam tu sangat baik.. Cuma nak jalankan tanggungjawab sebagai Islam kena amanah.. sapa kata Islam tak baik...”(R1)

Kenyataan ini memberi gambaran bahawa persepsi R1 kepada Islam adalah suatu agama yang baik. R2 turut berpandangan bahawa jika seseorang telah menganut agama Islam ini, haruslah mematuhi keseluruhan ajaran Islam dengan kenyataannya:

“Saya tak pernah rasa Islam tak baik.. tapi ikhlas tu penting..Islam ni baik.. Kita ni sebagai pemimpin, kalau nak masuk Islam.. kena masuk betul-betul..sebab saya ada saudara, anak buah yang masuk Islam..bukan sorang dua tapi ramai.. kat Kampung Paya Lebar tu pun ada yang Islam.. Bila dah masuk Islam bukan separuh-separuh.. Kat surau kita kena ikut.. kat masjid kita kena ikut.. sampai waktu zakat kena bayar..”(R2)

R2 berpendapat bahawa apabila menjadi muslim, harus mengikut dan melaksanakan ibadah-ibadah yang ditetapkan dalam Islam seperti pergi ke masjid dan membayar zakat apabila tiba waktunya. Demikianlah pendapat beliau bahawa Islam ialah agama yang baik jika dipraktikkan dalam kehidupan secara sempurna keseluruhannya dengan hati yang ikhlas. R3 dan R4 pula memberikan persepsi yang sama bahawa Islam ajaran yang baik dan perlu dilaksanakan dengan sebaiknya dalam kenyataannya:

“Saya rasa Islam ni ajar benda baik.. sebab tu takleh main-main..kena ikhlas..baru dapat pahala..sebab tu bila nak peluk Islam kena jujur..kena ikhlas.. macam anak buah saya.. dia seronok peluk Islam.. taklah susah sangat.. bagus dia berpuasa.. niat berpuasa.. eloklah.. anak buah saya ni, dia jujur.. dia puasa. Kadang-kadang saya pergi tanya dia “Cu, puasa tak?” “Cukup tak?” pastu dia cakap.. “Cukup wan..” Bagi saya Islam ni memang baik dan takleh dibuat main-main..”(R3)

“Bagi saya sebenarnya agama Islam ni sebenarnya memang sangat baik kalau kita buat elok-elok.. bila kita buat betul-betul.. solat cukup apa tuu.. solat cukup masa kan.. haa.. ya, memang baik kalau kita ikut betul-betul.. hehe..”(R4)

Kenyataan di atas menjelaskan bahawa persepsi mereka terhadap Islam adalah positif kerana menurut mereka Islam agama yang baik dan tidak boleh dipermainkan sesuka hati dan mengikut pandangan mereka Islam menekankan aspek ikhlas dan jujur dalam menerima Islam. Oleh itu, apabila sudah memeluk Islam, individu tersebut wajib mengikut semua peraturan yang

ditetapkan oleh Islam. Demikianlah, pergaulan baik masyarakat Islam yang ditonjolkan berjaya menarik perhatian dan minat masyarakat orang Asli untuk mendekati Islam.

Islam Untuk Semua Kaum

Informen R1 berpandangan bahawa agama Islam tidak dikhususkan kepada kaum tertentu sahaja seperti khusus bagi Orang Melayu sahaja sebaliknya agama Islam adalah untuk semua kaum dengan katanya:

“Pada pendapat saya, agama Islam ni tak memilih orang Melayu ke tak.. Dia bergantung kepada niat dan keikhlasan orang tu nak Islam..”
(R1)

Demikianlah persepsi R1 mengenai agama Islam itu bersifat universal tidak semestinya dianuti oleh kaum tertentu seperti kaum Melayu sahaja. Pendapat ini juga diakui oleh R2 dengan berkata:

“Tapi saya tak rasa lah Islam tu sesuai untuk orang Melayu je sebab anak buah saya Orang Asli peluk Islam.. bergantung pada niat hati seseorang lah... kena jujur. Takut nanti kena masuk api neraka.. aku takut...” (R2)

Berdasarkan kenyataan responden, dapat dijelaskan bahawa mereka mempunyai persepsi positif terhadap Islam dan boleh dianuti oleh semua kaum.

Islam Berkait Dengan Niat Ikhlas

Kajian selanjutnya menemukan persepsi positif masyarakat orang Asli mengenai Islam yang dinyatakan oleh R1 bahawa menganut Islam sangat berkait rapat dengan niat hati yang ikhlas dengan katanya:

“Sebab tu saya cakap pasal Islam atau nak peluk Islam kena jujur. Sebab kita bukan Islam dari lahir.. kamu baru 30 tahun baru peluk Islam... jadi banyak kena tahu dan belajar.. perkataan ayat-ayat tu kena belajar.. kalau akak yang tak tahu ni tiba-tiba belajar.. mana hurufnya.. mana asalnya.. mana pangkalnya.. mana hujungnya.. sebab tu kena ikhlas. Jangan main-main..” (R1)

R1 mengemukakan persepsi bahawa agama Islam sangat mengutamakan niat ikhlas untuk mengamalkan ajaran Islam. Berikut juga pandangan yang diutarakan oleh informan R4 iaitu:

“Dia bergantung kepada niat dan keikhlasan orang tu nak Islam..”
(R4)

Berdasarkan kenyataan informen R1 dan R4 di atas, mereka berpandangan bahawa niat merupakan tunjang yang paling asas untuk membentuk seorang Islam yang baik. Ini kerana agama Islam mengajarkan penganutnya supaya mempunyai niat ikhlas, jujur dan amanah dalam mengamalkan ajaran Islam.

Islam Berkait Rapat Dengan Kejujuran

Agama Islam sangat berkait rapat dengan sifat jujur. Persepsi ini diakui oleh R2 yang mengatakan:

“Sebab ada anak buah peluk agama Islam.. Bila dah tahu sikit. Oh macam ni.. tak la susah sangat.. tapi kena jujur..(R2)

Pandangan R2 mengenai Islam disokong oleh R3 dengan menyatakan:

“Niat kena jujur. Setakat nama je Islam takleh... bukan masuk Islam sebab ustaz.. masuk sebab takut ustaz marah.. takut nanti kat akhirat nanti kena tanya..(R3)

Demikianlah pandangan R3 bahawa Islam mengutamakan kejujuran. Di samping persepsi positif yang diberikan oleh penduduk Orang Asli, terdapat juga persepsi negatif terhadap Islam yang dinyatakan oleh informen antaranya :

Agama Islam Sukar

Masyarakat Orang Asli kurang terdedah dengan pengetahuan mengenai agama Islam yang sebenar dan mereka berasa asing apabila mendengar tentang Islam. Salah seorang informan menyatakan bahawa Islam sukar kerana kurang pengetahuan tentang Islam pada awalnya namun persepsinya terhadap Islam berubah setelah anak saudaranya memeluk Islam. Ini dinyatakan oleh R3 bahawa:

“Pada pendapat akak lah kan, bila tengok Islam tu, oh macam mana dia peluk agama Islam tu ye.. sebab tak tahu kan.. sebab tak faham kan... rasa kekok la jugak.. macam mana pengurusannya. Kewajipannya macam mana... sebab ada anak buah peluk agama Islam.. Bila dah tahu sikit. Oh macam ni.. tak la susah sangat.. tapi kena jujur..’(R3)

Persepsi bahawa agama Islam itu sukar kerana kurangnya pengetahuan tentang Islam dan tidak mempunyai pendedahan tentang agama Islam. R3 mengakui bahawa selama ini beliau tidak pernah terdengar langsung mengenai agama Islam itu sendiri. Tambahnya lagi:

”Ya, memang sebelum ni memang saya tak tahu langsung pasal Islam sampailah anak buah saya masuk Islam.. dari situ saya tengok.. kerana saya cakap agama Islam ni bukanlah senang..” (R3)

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh R3 ini, adalah disimpulkan bahawa terdapat dalam kalangan orang Asli yang memberi tanggapan bahawa menjadi orang Islam adalah sukar kerana mereka yang tidak mendapat pendedahan mengenai agama Islam. Beliau hanya mengetahui mengenai agama Islam apabila mempunyai anak saudaranya yang memeluk Islam. Kekurangan pengetahuan mengenai agama Islam dalam kalangan Orang Asli boleh menyebabkan persepsi terhadap agama Islam dan agama lain adalah sama sahaja.

Tanggapan Masuk Islam Menjadi Melayu

R1 beranggapan bahawa Islam itu sinonim dengan Melayu dan berpandangan bahawa masuk Islam membawa maksud masuk Melayu. Menurut R1:

“Ya laa, akak rasa bila dah masuk Islam mestilah kena jadi macam orang Melayu.. Takleh la jadi macam orang Temuan macam kami.. Tapi biasanya orang yang Islam ni dia dah kurang kerja kampung.. macam anak buah saya.. dia pasang wiring. Macam kerja kat IKBN tu dia jadi pengawas.. sebab masuk Islam tu sama masuk Melayu lah.. Kami pun tak faham sangat sebenarnya.. haha... yang tahu Islam tu Islam lah.. yang tahu Cina tu Cina lah.. kalau Cina masuk Islam orang panggil mualaf.. kalau dah Melayu tu memang Islam. Kami tak pernah dengar pulak Melayu yang Kristian.. haha.. yang kami tahu kalau Melayu mesti Islam. Dan masuk Islam tu masuk Melayu lah.. orang cakap lah..” (R1)

Kenyataan R1 ini jelas menunjukkan bahawa wujudnya persepsi dalam kalangan Orang Asli bahawa Islam itu sama dengan Melayu dan masuk Islam membawa maksud masuk Melayu. Ini menerangkan bahawa terdapat kesangsian dan keraguan dalam kalangan Orang Asli terhadap kefahamannya mengenai Islam dan Melayu. Informan R1 ini memahami bahawa Islam sama dengan Melayu. Hal ini turut dipersetujui oleh R4 yang berkata:

“Yaaa laaa masuk Islam tu masuk Melayu lah.. sama je tu.. kena ikut macam orang Melayu lah lepas dah masuk Islam..”(R4)

Berdasarkan kenyataan di atas, adalah didapati persepsi mereka masuk Islam membawa maksud menjadi orang Melayu. Pada persepsi mereka, Islam itu sama dengan Melayu namun hakikatnya Islam itu adalah agama manakala Melayu itu adalah bangsa seseorang. Berdasarkan temubual dalam kajian ini, didapati masyarakat Orang Asli memahami bahawa jika mereka memeluk Islam, maka mereka menjadi Melayu dan mereka harus mengikut semua cara hidup orang Melayu.

Penganut Islam Tidak Mengamal Ajaran Agama

Terdapat juga persepsi negatif masyarakat Orang Asli di Kampung Genting iaitu penganut Islam sendiri tidak mengamalkan ajaran agama. Ini yang dinyatakan oleh R1 dengan kenyataannya:

“Kalau buat separuh jalan, baik tak payah.. kadang-kadang bila tengok orang Islam, berjalan pun tak betul.. macam mana nak ikut..” (R1)

Persepsi R1 di atas ini turut ditambah oleh R2 bahawa terdapat dalam kalangan penganut Islam sendiri yang menjual beli nilai agama serta tidak mengamalkan ajaran Islam yang sebenarnya. R2 menjelaskan dengan kenyataannya:

“Lagi satu, saya tak suka apabila agama ni dijual beli.. Contohnya, ada orang ajak saya masuk Islam, pastu bagi duit.. Saya tak suka dan larang buat camtu.. Benda tu kena terbuka hati untuk masuk Islam.. bukan sebab duit.. Saya tak suka sebab bila habis duit, habis agama.. Apa cerita? Bagi saya benda tu tak boleh dipaksa.. dan agama ni tak boleh dijual beli.. bila saya tengok ada orang guna duit nak suruh masuk Islam, saya rasa tu macam rasuah..” (R2)

Terdapat dalam kalangan Orang Asli yang telah memeluk Islam namun tidak menonjolkan akhlak sebagai seorang muslim. Fenomena ini berlaku kepada informan R1 apabila anak saudaranya telah memeluk Islam menerusi katanya:

“Anak buah saya pun ada Islam yang tersangkut.. Pastu saya ni pulak pakcik dia.. Ada la rasa malu.. Orang lain pula cakap kat saya, tolonglah ajar anak buah.” (R1)

Berdasarkan kenyataan, elemen persepsi penting diberi perhatian. Ini kerana, masyarakat bukan Islam selalu menafsirkan Islam dengan apa yang mereka lihat dan dengar daripada orang Islam itu sendiri.

Islam Banyak Larangan

Terdapat juga masyarakat Orang Asli yang memberikan pendapat bahawa agama Islam mempunyai banyak larangan. Persepsi ini dinyatakan oleh R3 dalam kenyataannya:

“kerana saya cakap agama Islam ni bukanlah senang.. bukannya susah masa kita hidup ni. Nanti takut kat akhirat.. bila kita dah meninggal, kita kena disoal.. sebab tu Islam tu bukan main-main..kena jujur. Bukan semata-mata amik nama je.. contohnya aku ni Islam.. Umpamanya saya bukannya nak menjijik tapi benda-benda hutan dinafikan dalam agama Islam...takleh dimakan.. benda-benda haiwan takleh dibela..” (R3)

Kenyataan R3 di atas menjelaskan bahawa persepsi sebahagian Orang Asli bahawa Islam agama yang banyak larangan kerana pada pandangan mereka ajaran Islam melarang penganutnya makan beberapa binatang yang diharamkan sedangkan mereka bebas untuk makan dan memelihara apa sahaja haiwan. Oleh itu, sebahagian masyarakat Orang Asli berpandangan bahawa agama Islam mempunyai banyak larangan yang harus diikuti apabila bergelar seorang Muslim. Ini menunjukkan bahawa wujud dalam kalangan masyarakat Orang Asli yang tidak memahami tentang larangan-larangan dalam Islam yang disyariatkan iaitu bertujuan memelihara daripada kerosakan sekaligus membuktikan keunggulan Islam yang diatur dengan syariat bukan semata-mata mengikut akal cetek manusia.

PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Menurut Abdullah Ainon, (1996) persepsi ialah tafsiran apa yang dilihat oleh mata, atau dengan kata lain persepsi ialah makna yang diberikan pada apa yang dilihat oleh mata. Aspek persepsi penting diberi perhatian kerana ianya berupaya mempengaruhi penerimaan seseorang terhadap sesuatu. Dapatan kajian mendapati terdapat dua persepsi yang wujud dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Genting Peras, Hulu Langat, Selangor terhadap Islam. Sebahagian masyarakat Orang Asli menyatakan persepsi positif manakala sebahagian mereka menyatakan persepsi negatif.

Faktor tarikan luaran dan dalaman, peranan serta struktur sesuatu mempengaruhi persepsi individu (Achmad Mubarak, 2002). Ab Aziz Md Zin (1999) menjelaskan bahawa antara kriteria yang berupaya menarik persepsi seseorang ialah sesuatu yang cantik, jelas, memudahkan, bergerak-gerak, berulang-ulang, unik, menepati masa diperlukan, menjinakkan, memenuhi keperluan, wujud ikatan, membuka pemikiran serta difahami. Persepsi yang diterima oleh seseorang seterusnya mempengaruhi fikiran serta tingkahlaku seseorang individu.

Antara persepsi positif masyarakat Orang Asli Kampung Genting Peras tentang Islam ialah Islam agama yang baik, agama untuk semua, agama yang menekankan keikhlasan serta kejujuran dan suka cara penjagaan aurat dalam Islam. Kajian Ab Aziz Mohd Zin (1995) terhadap penduduk Perkampungan Orang Asli di Ulu Kuang, Gombak Selangor turut menemukan dapatan yang sama bahawa masyarakat orang Asli memberi tanggapan positif terhadap Islam. Mereka berpendapat bahawa orang Islam pandai bergaul, orang Islam suka menolong dan orang Islam mempunyai akhlak yang baik. Akhlak yang baik orang Islam dalam pergaulan menjadi sebab utama mereka suka kepada orang Islam (Ab Aziz Mohd Zin, 1995).

Kajian turut mendapati bahawa terdapat sebahagian masyarakat Orang Asli di Kampung Genting Peras yang menyatakan persepsi negatif mereka terhadap Islam antaranya ialah apabila masuk Islam adalah sama dengan jadi Melayu, penganut Islam tidak mengamalkan Islam, masuk Islam untuk dapat duit dan Islam banyak larangan. Zaini Hamzah (1989) menyatakan bahawa masyarakat bukan Islam yakin dengan gambaran bahawa memeluk Islam itu membawa maksud menjadi Melayu atau lebih tepat lagi perlu berperilaku seperti orang Melayu. Hal ini menyebabkan mereka kurang berminat kepada Islam kerana mereka menganggap bangsa Melayu itu bukanlah lebih baik daripada mereka (Shahiful Izuan Ismail, 2011). Menurut Syed Othman al-Habsyi (1998), Orang Asli dikatakan kadangkala lebih mudah dipengaruhi oleh agama Kristian dan menganggap Islam itu sebagai agama untuk orang Melayu sahaja. Ada juga yang berpersepsi bahawa menjadi seorang Islam adalah suatu kehinaan kerana orang Islam atau Melayu itu lebih mundur daripada orang Kristian (Syed Othman Al Habshi, 1998). Kajian Halim Mokhtar (2012) menemukan bahawa Orang Asli berpandangan bahawa dengan memeluk Islam, mereka tidak lagi menjadi Orang Asli Mah Meri tetapi menjadi Mah Jobo' atau orang Melayu (Halim Mokhtar, 2002).

Isu pengamalan agama dalam kalangan orang Islam turut ditemui dalam kajian ini. Masyarakat Orang Asli di Kampung Genting Peras mempunyai persepsi bahawa penganut Islam tidak mengamalkan ajaran Islam. Persepsi ini timbul ekoran terdapat dalam kalangan rakan mereka telah menganut Islam tetapi tidak mengamalkan suruhan dalam ajaran Islam. Sebilangan masyarakat Orang Asli melihat tindak tanduk orang Melayu adalah refleksi terhadap Islam.

Syed Abdurrahman (2010) menjelaskan bahawa Orang Asli beranggapan bahawa orang Melayu menjadi model Islam. Jika contoh-contoh yang buruk dipaparkan oleh orang Melayu kepada mereka, maka ia menjadi contoh dan imej Islam.

KESIMPULAN

Gambaran luaran yang diterima oleh pancaindera seseorang melahirkan persepsi dan persepsi. Fenomena ini berlaku apabila sesuatu rangsangan yang diterima oleh pancaindera seseorang individu merakam gambaran dalam minda seseorang sama ada positif mahu pun negatif. Rakaman ini membentuk persepsi yang mempengaruhi penerimaan seseorang terhadap sesuatu. Demikianlah, kepentingan gambaran atau tasawwur positif tentang Islam bagi menyumbang kepada penerimaan masyarakat khususnya masyarakat bukan Islam terhadap Islam. Adalah menjadi tanggungjawab golongan pendakwah dan organisasi dakwah untuk memastikan masyarakat Orang Asli khususnya diberi penerangan berkaitan Islam. Di samping itu, setiap umat Islam turut berperanan untuk menunjukkan contoh ikutan yang baik agar berupaya meninggalkan persepsi positif terhadap Islam sekaligus menyumbang terhadap penerimaan mereka terhadap agama Islam.

RUJUKAN

- Ab Aziz bin Mohd Zin. (1995). *Sasaran Dakwah Non-Muslim di Malaysia: Suatu Kajian Tentang Keadaan Orang Asli di Perkampungan Orang Asli Ulu Kuang, Gombak, Selangor*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (1999). *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abd Aziz Mahayudin (2014) dalam kajian bertajuk *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Dalam kalangan Murid Orang Asli*. Institut Islam hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Abdul Ghafar Don, Badlihisham Mohd Nasir, Anuar Puteh, Razaleigh Muhamat dan Muhammad Faisal Ashaari. 2014. *Penghayatan Islam Dakwah Orang Asli*. Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Abdullah Ainon. (1996). *Meningkatkan Daya Fikir*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Achmad Mubarak. (2002). *Psikologi Dakwah*. Jakarta: Pustaka Firdaus.

- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, Razaleigh Muhamat @ Kawangit dan Mohd Hasimi Mahmud (2014) bertajuk *Penghayatan Islam Saudara Baru Orang Asli Kampung Sungai Berua Terengganu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Aisyah Jami'an. (2013). *Program Dakwah dan Peningkatan Kualiti Hidup Saudara Baru Orang Asli di Gombak Selangor*. Tesis Dr. Fal. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asyraf Ridwan Ali. 2013. *Pelestarian pengajaran Jawi dalam mendidik murid-murid di sekolah rendah orang asli*. Prosiding Antarabangsa Pembangunan Mualaf 2013 (ICMuD 2013), Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 7-8 September 2013
- Badlihisam Mohd Nasir. *Dakwah Masyarakat Berjiran kepada Orang Asli: Kajian di Felda Gugusan Chini, Pahang*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Halim Mokhtar. (2002). *Penerimaan Dakwah Islamiah di Kalangan Masyarakat Orang Asli: Kajian Kes Di Pulau Carey Banting Selangor*. Tesis Sarjana Pengajian Islam. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahiful Izuan Ismail. (2011). *Persepsi Mahasiswa Non Muslim Terhadap Kehidupan Mahasiswa Muslim di UTM*. Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Syed Abdurahman bin Syed Hussin. (2010). *Dakwah kepada Orang Asli di Malaysia: Permasalahan dan Halangan*. Kelantan: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Cawangan Nilam Puri.
- Syed Abdurahman Syed Hussin. (2010). Dakwah kepada Orang Asli di Malaysia: Permasalahan dan Halangan. *Jurnal Usuluddin*. September: 155-179.
- Syed Othman Al-Habshi. (1998). *Kepentingan Pengurusan dalam Dakwah Islamiah*. Bangi :Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ummi Kalsum Mat Lazim, (2016). *Persepsi Muallaf Terhadap Program Dakwah Islamiyah di Pusat Islam Universiti Kebangsaan Malaysia*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- W Rahimah Draman. (2008). *Mendekati Masyarakat Orang Asli Perlu Strategi*. Utusan Malaysia. Disember.
- Zaini bin Hamzah. (1989). *Dakwah Dalam Masyarakat Majmuk: Suatu Kajian Kes Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Institut Kajian Dasar.

TEMUBUAL

Temubual bersama R1 di Kampung Genting Peras, pada 28 Ogos 2017.

Temubual bersama R2, Jawatankuasa Kampung (JKK) di Kampung Genting Peras, pada 9 Oktober 2017.

Temubual bersama R4, Wakil Orang Asli di Kampung Genting Peras, pada 9 Disember 2017.

Temubual bersama R3, Wakil Orang Asli di Kampung Genting Peras, pada 10 Januari 2018.

TENTANG PENULIS

Che Nur Hasanah Che Hussian, berkelulusan Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Sumber di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Prof. Madya Dr. Mariam Abd. Majid, berkelulusan Sarjana Muda Usuluddin, Sarjana Usuluddin dan Doktor Falsafah (Metodologi Dakwah) Universiti Malaya. Bidang kepakaran beliau ialah Usuluddin, Psikologi Dakwah, Pemasaran Dakwah dan Dakwah Saudara Baru. Beliau kini adalah Dekan di Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Dr. Muhammad Yusuf Marlon, berkelulusan Diploma Pengajian Islam (Dakwah) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah Dakwah & Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah pengurusan mualaf, Islamisasi di Filipina dan Kajian Mualaf. Beliau kini adalah Timbalan Dekan Mahasiswa dan Alumni, Pusat Asasi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).